



QIRAAT SYADHDHAH: PENGENALAN EMPAT TOKOH IMAM YANG KHUSUS

Mohamad Redha Bin Mohamad¹, Muhammad Fairuz Bin A. Adi², Nurhanisah Binti Abdul Ghapar³

¹Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohamadredha@kuis.edu.my

²Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, fairuz@kuis.edu.my

³Siswi, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, ukhtinisa93@gmail.com.

ABSTRAK

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diwarisi secara mutawatir sejak zaman-berzaman. Antara ilmu al-Quran yang dipelajari ialah ilmu qiraat. Qiraat bermaksud bacaan al-Quran yang pelbagai. Pengajiannya popular di negara-negara Arab terutamanya di Mesir. Di Malaysia juga, beberapa institusi pendidikan turut mengajar ilmu qiraat kepada para penuntut ilmu al-Quran. Walaubagaimanapun, salah satu topik perbincangan di dalam ilmu qiraat iaitu qiraat syadhdhah kurang diambil perhatian dan dipelajari di Malaysia. Oleh itu, bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan mempelajari qiraat syadhdhah, kertas kerja ini membincangkan pengenalan berkaitan tokoh-tokoh perawi bagi qiraat syadhdhah. Perawi-perawi qiraat syadhdhah yang tergolong dalam kalangan qurra' ini terbahagi kepada dua golongan iaitu tokoh imam yang umum dan tokoh imam yang khusus. Kertas kerja ini memfokuskan kepada pengenalan empat tokoh imam yang khusus di dalam qiraat syadhdhah. Antara yang dibincangkan adalah riwayat hidup mereka, guru-guru dan murid-murid mereka serta kritikan dan pujian terhadap keempat-empat imam yang khusus ini. Permasalahan kajian ini adalah kerana masih ramai penuntut ilmu al-Quran dan qiraat yang tidak mengenali tokoh-tokoh imam di dalam qiraat syadhdhah. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pencarian maklumat di internet. Hasil kajian mendapati khususnya setiap penuntut ilmu al-Quran dan qiraat perlu mengetahui setidak-tidaknya empat tokoh imam khusus di dalam qiraat syadhdhah. Ini berikutan kehebatan dan sumbangan mereka yang sangat mendalam terhadap bidang ilmu al-Quran. Pengajian ilmu qiraat syadhdhah tidak sewajarnya diabaikan dan hanya terfokus kepada qiraat mutawatir sahaja. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dan manfaat dalam aspek kajian terhadap bidang qiraat dan tokoh-tokohnya.

Kata kunci:

Qiraat, Syadhdhah, Al-Quran, Tokoh, Imam

QIRAAT SYADHDHAH: THE INTRODUCTION OF FOUR SPECIALIZE IMAM

The Quran is a holy book of Muslims that has been inherited for centuries. Qiraat is one of the knowledge of Quran. Qiraat can be defined as a variety of Quranic readings. The studies were popular in Arab countries especially in Egypt. In Malaysia, some of the educational institutions also teach Qiraat to the Quranic students. However, one of the topics of discussion in Qiraat, which is Qiraat Syadhdhah are lack of attention and less learned in Malaysia. Therefore, in order to raise awareness of the importance of studying the Qiraat Syadhdhah, this paper will discuss about the introduction of the Imam of the Qiraat Syadhdhah. The Qiraat Syadhdhah narrators who belong to the qurra' can be divided into two groups: the general Imam and the specialize Imam. This paper focuses on the introduction of four specialize Imam in the Qiraat Syadhdhah. Among those discussed were: the history of their lives, their teachers and students, and also the critics and praise of these four specialize Imam. The problem statement for this study is that there are still many scholars of Quran and Qiraat who do not know the specialize imam in Qiraat Syadhdhah. The method of the study was conducted qualitatively, while for data collection was managed through the literature review and information search on the internet. The study found that each student of the Quranic and qiraat knowledge needs to know at least the four specialize Imam in the Qiraat Syadhdhah. This is due to their greatness and contribution to the field of Quranic knowledge. The study of Qiraat Syadhdhah should not be ignored and only focused on Qiraat Mutawatir. It is hoped that this paper will contribute and benefit in terms of research on the field of qiraat and its people.

Keywords:

Qiraat, Syadhdhah, Quran, Specialize, Imam.

1.0 Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diwarisi secara mutawatir sejak zaman-berzaman. Antara ilmu al-Quran yang dipelajari ialah ilmu qiraat. Qiraat bermaksud bacaan al-Quran yang pelbagai. Pengajiannya popular di negara-negara Arab terutamanya di Mesir. Di Malaysia juga, beberapa institusi pendidikan turut mengajar ilmu qiraat kepada para penuntut ilmu al-Quran. Walaubagaimanapun, salah satu topik perbincangan di dalam ilmu qiraat iaitu *qiraat syadhdhah* kurang diambil perhatian dan dipelajari di Malaysia. Oleh itu, penulisan ini berfokus kepada tokoh-tokoh imam yang dilahirkan di dalam bidang *Qiraat Syadhdhah*.

Dalam mendalami ilmu periwayatan *Qiraat Syadhdhah*, sudah pasti wujud disebaliknya tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Tokoh-tokoh ini merupakan insan yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu periwayatan qiraat bagi memastikan keaslian dan kesucian al-Quran. Antara mereka, ada juga yang tidak terlepas dari melakukan kesilapan dalam membahas dan memberi pandangan tentang sesuatu qiraat. Namun, usaha gigih mereka hanyalah untuk memastikan ilmu qiraat ini terus dibaca dan diamalkan dari generasi ke generasi seterusnya. Penulisan ini akan membincangkan pengenalan empat tokoh imam yang khusus di dalam *Qiraat Syadhdhah*.

2.0 Permasalahan Kajian

Berdasarkan penelitian sejarah, ilmu *qiraat* kelihatan asing dan terencil seawal kemunculannya di Malaysia. Masyarakat berasa janggal dan aneh apabila dibacakan riwayat-riwayat qiraat selain riwayat Hafs ketika solat ataupun semasa di majlis-majlis rasmi berkaitan al-Quran. Mereka tidak biasa mendengar dan kurang pendedahan terhadap bacaan riwayat-riwayat yang lain (Sumayyah Ali & Abdul Hafiz Abdullah, 2016). Masyarakat di Malaysia hanya didedahkan dengan bacaan riwayat

Hafs sahaja sejak dahulu (Mohd Yakub, Zulkifli Mohd Yusoff & Mohd A'Tarahim, 2012). Walaupun begitu, kini ilmu *qiraat* semakin dikenali dan diketahui masyarakat di Malaysia walaupun hanya sekadar pengetahuan asas sahaja. Penubuhan maahad-maahad tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di seluruh Malaysia memudahkan lagi perkembangan ilmu ini secara meluas (Sumayyah Ali, 2016).

Di samping itu, wujud juga tokoh *qiraat syadhdhah* yang lebih masyhur dalam bidang ilmu yang lain iaitu Imam Hasan al-Basri. Beliau sangat terkenal sebagai tokoh yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan kehidupan sufi di Basrah (Abdullah, 2014). Beliau juga merupakan pengasas Madrasah Zuhud di Kota Basrah. Diantara ajaran beliau yang penting adalah *Khauf*, *Zuhud* dan *Raja'*. Oleh kerana kemasyhuran beliau dalam bidang sufi, maka telah menjadikan beliau kurang dikenali sebagai tokoh dalam bidang qiraat.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat berkaitan dengan ilmu *qiraat* secara lebih mendalam. Ilmu *qiraat* yang sangat luas merangkumi *Qiraat Sahihah* dan *Qiraat Syadhdhah*. Kajian ini akan memfokuskan terhadap pengenalan empat imam yang khusus di dalam ilmu *Qiraat Syadhdhah*.

3.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data akan dikumpul melalui metode dokumentasi dan kepustakaan. Kajian ini akan menggunakan metode dokumentasi dalam mendapatkan data untuk dianalisis. Dokumen-dokumen penting seperti akhbar, laman sesawang dan dokumen yang berkaitan akan digunakan untuk menyokong hasil kajian. Kajian ini juga menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan sebelum dianalisis. Pengkaji akan mengumpul maklumat kajian dari tesis-tesis, jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa perpustakaan berhampiran untuk dianalisis. Pengkaji akan mengumpul data-data dari Perpustakaan As-Syafie Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia.

4.0 Pengertian *Qiraat Syadhdhah*

Qiraat Syadhdhah dari sudut bahasa bermaksud bacaan yang ganjil. Manakala dari sudut istilah ia membawa maksud bacaan yang telah gugur salah satu atau kesemua rukun qiraat mutawatir (Fairuz; Shahrudin; Syafee 2017). Sebagaimana yang sedia maklum, qiraat mutawatir mempunyai tiga rukun utama iaitu sanad bacaan yang sahih, bertepatan dengan salah satu dari rasm uthmani dan menepati kaedah bahasa arab walaupun dari satu sudut. Sebagaimana kata-kata Ibn al-Jazari:

“Semua qiraat yang selari dengan kaedah bahasa Arab walaupun dengan satu wajah, dan menyamai dengan mana-mana mushaf uthmani walaupun secara *ihthimal*, serta sah sanadnya dikira sebagai qiraat yang sahih, ia tidak boleh ditolak dan diingkari kerana ia adalah sebahagian dari tujuh huruf yang diturunkan al-Quran dengannya” (Ibn al-Jazari 1998).

Oleh itu, *qiraat syadhdhah* dari sudut istilah menurut Ibnu al-Jazari adalah qiraat yang gugur daripadanya salah satu daripada tiga rukun qiraat mutawatirah di atas (Ibn al-Jazari 1999). Menurut Abdul Sabur Shahin (1998), satu-satu qiraat dihukum *syadh* apabila terkeluar daripada kaedah Mushaf Imam yang diusahakan oleh Saidina Uthman. Inilah makna yang dimaksudkan pada realitinya apabila sesuatu qiraat itu disifatkan dengan *syadh*, iaitu dengan perpisahan daripada cara dan kaedah Mushaf Imam.

5.0 Hukum Mempelajari *Qiraat Syadhdhah*

Para ulama qiraat telah mengharuskan untuk mengkaji *Qiraat Syadhdhah*, dengan cara mempelajari dan membukukannya. Ia dibenarkan kerana qiraat mutawatir telah dapat dibezakan dengan *Qiraat Syadhdhah*, sama ada dalam penulisan buku atau kelas pengajaran. Al-Nuwayri (2003) menyatakan bahawa:

“Sekiranya membaca *Qiraat Syadhdhah* tanpa beriktikad ia adalah sebahagian daripada al-Quran, ia tiada masalah, bahkan daripadanya itu dapat digunakan untuk berhujah dalam hukum syariah dan bahasa Arab. Dan ia boleh dibuku dan diperbincangkan. Akan tetapi sekiranya beriktikad ia sebagai al-Quran, hukumnya adalah haram”.

Ini jelas menunjukkan hukum mempelajari, mengajar dan menyebarkan ilmu *Qiraat Syadhdhah* adalah dibenarkan selagimana dijelaskan terlebih dahulu ia bukanlah sebahagian daripada al-Quran (Ahmad Zulfiqar; Wan Nasyrudin; Sabri Mohamad; Mohd Abdul Nasir 2015). Walaupun *Qiraat Syadhdhah* tidak dianggap atau dibaca sebagai al-Quran, namun ia diharuskan untuk dipelajari secara teori (Yusri Chek; Sabri Mohamad; Haziyah Hussin; Ahamad Asmadi 2015). Proses pembelajaran ini penting bagi memastikan kesinambungan ilmu terus berjalan dan tidak hilang ditelan zaman.

6.0 Dua Golongan Perawi *Qiraat Syadhdhah*

Perawi *Qiraat Syadhdhah* terbahagi kepada dua golongan iaitu:

- a) Perawi-perawi yang meriwayatkan *Qiraat Syadhdhah* secara umum :
Jumlah mereka sangat ramai. Antaranya dalam kalangan sahabat ialah riwayat Ibn Mas'ud, Abdullah bin Zubair, Abu Musa al-Asy'ari, Ubai bin Kaab, Ibn Abbas, Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Sa'ad bin Abi Waqas, Abu Hurairah, Amru bin al-'As, Abdullah bin Umar al-Khattab, Anas bin Malik dan Ummul Mukminin Aisyah.
Manakala daripada kalangan tabiin ialah qiraat riwayat Mujahid bin Jabir, Muhammad bin Sirin, Qatadah al-Sadusi, Sa'id bin al-Musa'iyah, Sa'id bin Jubair, al-Sya'bi Amir bin Syarahil, Abu al-'Aliyah, Abu Raja' al-Utharidi, Talhah bin Musarif, Ibn Abi 'Ablah, Ibn Syihab al-Zuhri dan 'Asim al-Juhdari.
- b) Perawi-perawi yang meriwayatkan *Qiraat Syadhdhah* secara khusus menurut Abdul Fattah al-Qadi (1999):
 - i) Abu Said al-Hasan Ibn Yasar al-Basri (wafat 110 H)
 - ii) Muhammad Ibn Abd al-Rahman Ibn Muhaisin al-Sahmi (wafat 123 H)
 - iii) Abu Muhammad Yahya Ibn al-Mubarak (wafat 202 H)
 - iv) Abu Muhammad Sulaiman Ibn Mahran al-A'masy al-Asadi (wafat 148 H)

Para ulama telah bersepakat untuk meletakkan hukum *syadh* pada semua qiraat oleh empat orang tokoh di atas mahupun perawi mereka, kerana riwayatnya adalah tidak mutawatir, tidak menepati resam Uthmani dan tidak menepati kaedah bahasa Arab. Dalam kajian ini, penulis akan memperkenalkan keempat-empat tokoh imam *qiraat syadhdhah* yang khusus.

7.0 Tokoh 1: Imam Hasan Al-Basri

Nama beliau ialah Abu Said al-Hasan bin Yahya al-Basri. Lahir di kota Madinah pada tahun 21 Hijrah pada zaman pemerintahan Khalifah Umar R.A. Beliau telah mempelajari pelbagai ilmu daripada lebih 130 orang sahabat. Meninggal dunia pada tahun 110 Hijrah (al-Zahabi 1995:162). Asal keluarganya berasal dari Misan, suatu desa yang terletak antara Basrah dan Wasith. Kemudian mereka berpindah ke Madinah (Abdullah 2016).

Beliau telah menghafal al-Quran seawal usia 12 tahun. Kemudian beliau berpindah ke wilayah ilmu iaitu kota Basrah di Iraq pada usia 14 tahun. Kota Basrah pada ketika itu disinggahi oleh ramai para tabi'in yang ingin menuntut pelbagai jenis bidang ilmu. Tidak ketinggalan, Hasan al-Basri turut sama mempelajari ilmu al-Quran, ilmu tafsir dan ilmu hadis di tangan sahabat yang ulung iaitu Ibn Abbas. Manakala beliau mempelajari ilmu fiqh, bahasa dan sastera dari sahabat-sahabat yang lain (Abdullah 2016).

Tambahan juga, beliau telah mendalami ilmu al-Quran daripada Hattan bin Abdullah al-Ruqasyi, Abu Musa al-Asy'ari, Ali bin Aliah, Zaid bin Thabit, Umar bin Khattab, dan lain-lain. Manakala antara muridnya yang masyur ialah Abu Amru bin al-Ala', Sallam al-Tawil, Yunus bin Ubaid dan 'Asim bin al-Jahduri.

Selain itu, beliau juga terkenal sebagai tokoh dalam bidang tasawuf. Beliau merupakan seorang sufi dari kalangan tabi'in dan berperanan besar untuk pertumbuhan kehidupan sufi di Basrah. Di antara ajarannya yang terpenting adalah *khauf*, *zuhuf* dan *raja'*. Beliau turut dikenali sebagai pengasas madrasah Zuhud di kota Basrah (Abdullah 2016).

7.1 Pujian Ulama Terhadap Imam Hasan Al-Basri

Antara kalam yang masyhur dalam kalangan ulama yang memuji tentang ketinggian ilmu Hasan al-Basri ini antaranya ialah :

- a) Berkata Qatadah bin Da'amah: "Sesungguhnya Hasan adalah orang yang paling mengetahui mengenai halal dan haram"
- b) Beliau sangat fasih dalam pertuturan dan sangat indah dalam berbahasa sehingga Imam Syafie berkata : "Jika sekiranya aku berkata, sesungguhnya al-Quran itu diturunkan dengan bahasa al-Hasan maka pasti aku katakan ia adalah kefasihannya."
- c) Hammad bin Zaid berkata: "Aku telah duduk bersama Hasan al-Basri selama 40 tahun, maka aku tidak pernah bertanya sesuatu apa pun kepadanya kerana (segar) dengan kehebatan dirinya."
- d) Al-Auf berkata: "Sesungguhnya aku tidak pernah melihat orang yang tahu jalan ke syurga melainkan Imam Hasan al-Basri" (Mohd Faiz Othman, 2017).
- e) Telah berkata Abi Jaafar al-Baqir: "Perkataan Hasan al-Basri seperti perkataan Nabi. Perkataannya dan nasihat beliau merentasi semua termasuk golongan atasan dan pemimpin" (Mohd Faiz Othman, 2017)

7.2 Perawi Hasan Al-Basri Yang Masyhur

Hasan al-Basri mempunyai dua orang perawi yang masyhur iaitu al-Balkhi dan al-Duri. Akan tetapi kedua-dua perawi ini bukanlah daripada kalangan anak murid beliau sendiri.

7.2.1 Al-Balkhi

Nama penuh beliau ialah Abu Nuaim Syuja' bin Abi Nasr al-Balkhi al-Baghdadi. Dilahirkan pada tahun 120 Hijrah dan wafat pada tahun 190 Hijrah pada umur 70 tahun (al-Zahabi 2009). Beliau merupakan anak murid kepada Abu Amru bin al-'Ala', mendengar kuliah ilmu daripada Isa al-Thaqafi dan al-A'masy dan lain-lain.

Antara perawi yang mengambil bacaan daripada al-Balkhi ialah Abu Ubaid al-Qasim bin Salam, Muhammad bin Ghalib bin Ali, Abu Amr al-Duri dan lain-lain.

7.2.2 Al-Duri

Nama penuh beliau ialah Abu Amr Hafis bin Umar bin Abd al-Aziz bin Suhban bin 'Adi bin Suhban al-Duri al-Baghdadi. Merupakan salah seorang daripada dua orang perawi Abu Amru al-Basri. Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijrah dan wafat pada tahun 246 Hijrah pada umur 96 tahun (Ibn al-Jazari 2000:107). Nama panggilan al-Duri dinisbahkan kepada satu tempat di Baghdad.

Beliau telah belajar dan mendalami ilmu al-Quran daripada Ismail bin Ja'far, Ya'qub bin Ja'far, Nafi', Abu Jammaz, Sulaim, al-Kisaie, Hamzah, Yahya al-Yazidi dan lain-lain. Dalam kalangan anak muridnya yang masyhur pula ialah Ahmad bin Harb al-Mu'addil, Syaikh al-Mauthi', Ali bin Sulaim al-Baghdadi, Ahmad bin Yazid al-Hilwani dan lain-lain.

8.0 Tokoh 2: Imam Ibn Muhaisin

Nama beliau ialah Muhammad bin Abdul Rahman bin Muhaisin al-Sahmi. Dikatakan beliau juga diberikan jolokan nama Umar, Abdul Rahman bin Muhammad, dan Muammad bin Abdullah. Beliau merupakan seorang yang alim dalam dalam bidang bahasa Arab dan pakar rujuk al-Quran masyarakat Mekah di samping imam Ibn Kathir. Beliau meninggal dunia pada tahun 123 Hijrah di Kota Mekah (al-Qastalani 2014).

Ibn Muhaisin telah menyalahi cara penulisan mushaf uthmani dalam beberapa qiraatnya. Ini menyebabkan qiraat beliau tergolong dalam kategori *qiraat syadhdhah* (Tahsin Ibrahim 2008). Adapun masyarakat Mekah telah bersepakat ke atas qiraat imam Ibn Kathir kerana ia menepati ciri-ciri qiraat mutawatirah.

Beliau telah mendalami dan mempelajari ilmu berkaitan al-Quran daripada Mujahid bin Jabir, Darbas (maula Ibn Abbas), Said bin Jubair dan lain-lain. Manakala di kalangan muridnya yang masyhur ialah Syibil bin 'Abbad, Abu Amru al-'Ala, Ismail bin Muslim al-Makki, Isa bin Umar al-Basri dan lain-lain.

8.1 Kritikan Dan Pujian Ulama Terhadap Ibn Muhaisin

Antara kalam masyhur dalam kalangan ulama yang memuji tentang kelebihan dari Ibn Muhaisin ialah :

- a) Beliau merupakan seorang Qurra' di Mekah yang pakar dalam bidang bahasa Arab. Ini diriwayatkan daripada Mujahid dengan katanya: "Ibn Muhaisin adalah seorang yang pakar dalam bahasa Arab."
- b) Telah berkata Dirbas: "Apa yang aku lihat dalam kitab Kamil yang dikarang oleh imam al-Hazali, beliau berkata, tidak aku lihat orang yang lebih alim dari Ibn Muhaisin dalam bidang al-Quran dan bahasa Arab".
- c) Ibn Jazari berkata: "Aku telah membaca qiraat beliau dalam Kitab al-Mubhaj dan al-Raudhah, dan aku juga telah membaca al-Quran. Sekiranya tidak ada di dalam qiraatnya itu yang menyalahi mashaf, pasti ia akan menjadi qiraat yang masyhur."
- d) Ibn Mujahid telah berkata tentang Ibn Muhaisin: "Bahawa Ibn Muhaisin itu mempunyai ruang untuk memilih qiraat dalam sempadan yang tidak menyalahi kaedah bahasa Arab. Akan tetapi beliau telah melangkaui sempadan tersebut dan juga telah melanggar ijmak ahli negerinya sendiri. Oleh itu, umat Islam pada ketika itu tidak lagi menuntut dengannya, tetapi telah bersepakat untuk menuntut dengan Ibn Kathir yang sezaman dengannya."

8.2 Perawi Ibn Muhaisin Yang Masyhur

8.2.1 Al-Bazzi

Nama beliau ialah Abu al-Hasan Ahmad bin Muhammad bin Abdullah bin al-Qasim bin Nafi' bin Abi Bazzah. Nama beliau dinisbahkan kepada nama datuknya Abi Bazzah yang bernama Basyar iaitu seseorang yang telah masuk Islam melalui tangan al-Saib bin Abi al-Saib al-Makhzumi. Beliau juga merupakan seorang perawi bagi salah seorang imam dalam Qiraat Tujuh iaitu Ibn Kathir. Dilahirkan pada tahun 170 Hijrah dan meninggal dunia pada 250 Hijrah di kota Mekah (Ibn al-Jazari 2006:119). Beliau masyhur dengan kunyah (gelaran) Abu al-Hasan.

Al-Bazzi merupakan seorang perawi yang paling besar dalam periwayatan qiraat Ibn Kathir. Namun beliau bukanlah meriwayatkan qiraat tersebut secara langsung daripada Ibn Kathir tetapi meriwayatkannya daripada Ikrimah bin Sulaiman daripada Ismail bin Abdullah al-Qust daripada Syibil bin 'Abbad daripada Ibn Kathir. Jumlah perawi yang meriwayatkan qiraat Ibn Kathir sangat ramai, tetapi al-Bazzi ialah yang paling menyerlah.

Melalui al-Bazzi juga ramai yang datang menjadi muridnya. Antaranya ialah Ishak bin Ahmad al-Khunza'i, al-Hasan bin al-Hubub, dan Qunbul juga meriwayatkan qiraat daripada beliau.

8.2.2 Ibn Syanbuz

Nama beliau ialah Abu Hasan Muhammad bin Ahmad bin Ayyub bin al-Sollat bin Syanbuz al-Baghdadi. Beliau telah mengambil bacaan qiraat daripada Ibrahim al-Harbi, Ahmad bin Basyar al-Anbari, Ahmad bin Farh, Idris al-Haddad, al-Hassan bin al-Hubbab dan lain-lain. Manakala perawi yang mengambil bacaan daripadanya pula antaranya ialah Ahmad bin Nasr al-Syaza'i, al-Hassan bin Said al-Matu'ie, Muhammad bin Ahmad al-Syanbuzi, dan lain-lain.

Ibn Syanbuz beramal dengan qiraatnya yang tidak menepati kaedah resam Uthmani. Pendapatnya dalam ilmu qiraat ini telah mendapat reaksi daripada Abi Ali bin Muqlah, seorang pemerintah pada zaman tersebut. Ibn Syanbuz telah dipanggil oleh beliau untuk dibicarakan. Turut serta dalam majlis tersebut ialah Ibn Mujahid, para qadhi dan ulama. Beliau diminta untuk bertaubat dan menarik balik pendapatnya itu selepas beliau mengakui bacaannya tidak sepadan dengan kaedah resam Uthmani. Namun beliau tetap dengan pandangannya sehingga menyebabkan beliau dijatuhi hukuman rotan sebanyak 10 kali. Akhirnya beliau mengakui dan menarik semula pandangannya itu (Khairul Anuar Mohamad 2014).

Walau bagaimanapun, para ulama memuji kealiman dan ketinggian ilmu Ibn Syanbuz. Antaranya ialah Abi Tahir Ibn Hashim apabila beliau ditanya, siapakah yang lebih afdal antara Ibn Syanbuz dan Ibn Mujahid. Lantas beliau menjawab: "Adapun Abu Bakar Ibn Mujahid akalnya mengatasi ilmunya, manakala Ibn Syanbuz pula ilmunya mengatasi (Khairul Anuar Mohamad 2011)."

9.0 Tokoh 3: Imam Yahya Ibn Mubarak Al-Yazidi

Nama beliau adalah Yahya bin al-Mubarak bin al-Mughirah al-Adawi al-Basri, lebih dikenali sebagai al-Yazidi. Kuniyah beliau Abu Muhammad. Dilahirkan pada tahun 128 hijriyah ketika pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Beliau merupakan seorang ilmuwan dalam bahasa Arab dan ilmu berkaitan dengannya. Dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Qiraat pula beliau dikenali sebagai salah seorang imam yang masyhur dalam periwayatan qiraat *syadh*. Beliau meninggal dunia pada tahun 202 hijrah ketika berusia 74 tahun.

Yahya al-Yazidi mengambil bacaan qiraat secara langsung dari imam Abu Amru al-Basri dan imam Hamzah al-Kufi di mana kedua-dua imam tersebut merupakan imam qiraat mutawatir yang menjadi rujukan umat manusia hingga hari ini, dan beliau juga mendengar bacaan dari Abdul Malik bin Juraij (Fairuz 2017). Antara murid beliau yang masyhur pula ialah anak-anaknya sendiri iaitu Muhammad, Ibrahim, Ismail, Abdullah dan Ishak. Selain dari mereka, Abu Umar al-Duri, Abu Syuaib al-Susi dan Abu al-Harith juga mengambil bacaan daripada Yahya al-Yazidi. Dari aspek keilmuan bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, al-Yazidi berguru dengan imam Abu Amru al-Ala' dan imam Khalil bin Ahmad.

Yahya al-Yazidi bersama-sama dengan imam al-Kisaie dilantik menjadi guru dan pakar rujuk al-Quran pada zaman pemerintahan khalifah Harun al-Rasyid (Fairuz 2017). Dalam masa yang sama, mereka berdua diberi tugas meriwayatkan bacaan imam Abu Amru dan imam Hamzah kepada anak-anak Harun al-Rasyid. Antara karya-karya beliau adalah kitab al-Nawadir, al-Maqsur wa al-Mamdud, al-Naqt wa al-Syakl dan al-Mukhtasar fi al-Nahw (Fairuz 2017).

9.1 Kritikan Dan Pujian Ulama Terhadap Yahya Al-Yazidi

- a) Merupakan seorang imam, ahli nahu, muqri', thiqah, alim dan mempunyai pilihan yang menyalahi pandangan Abu 'Amru tentang Huruf Sepuluh.

- b) Imam al-Zahabi berkata: “Yahya al-Yazidi merupakan seorang yang thiqah, ‘alim dan fasih serta pakar dalam bahasa Arab”.
- c) Beliau mempunyai banyak karya penulisan yang hebat. Antaranya kitab al-Nawadir, kitab al-Maqsur, kitab al-Musykil, kitab al-Lughah, kitab fi al-Nahwu Mukhtasar, dan mempunyai Nazam yang baik (Ali al-Ja’fari 2015: 408).
- d) Ibn Mujahid berkata: “Sesungguhnya kami bergantung kepada riwayat Yahya walaupun ramai *ashab* Abu Amru yang lebih hebat darinya kerana Yahya begitu tekun dan fokus pada riwayat Abu Amru tanpa menyibukkan diri dari riwayat qiraat lain. Lebih-lebih lagi Yahya adalah yang paling *dhabit* diantara *ashab* Abu Amru” (Ibn al-Jazari 2006).

9.2 Perawi Yahya Al-Yazidi Yang Masyhur

Yahya al-Yazidi mempunyai dua orang perawi yang masyhur. Mereka ialah Ibn al-Hakam dan Ibn Farh.

9.2.1 Ibn al-Hakam

Nama penuh beliau ialah Abu Ayyub Sulaiman bin Ayyub bin al-Hakam al-Baghdadi atau dikenali sebagai Sohib al-Basri. Beliau telah mengambil bacaan daripada al-Yazidi ataupun berdasarkan pendapat lain beliau mengambil bacaan daripada anak al-Yazidi iaitu Abdullah bin Yahya. Manakala perawi yang mengambil bacaan daripada Ibn al-Hakam antaranya ialah Ahmad bin Harb al-Mu’addal, Ishak bin Mukhallad al-Daqaq, dan lain-lain (Ali al-Ja’fari 2015).

Beliau merupakan seorang yang thiqah. Ibn Ma’in berkata: “Beliau (Ibn al-Hakam) adalah seorang thiqah dan benar serta sentiasa memelihara apa yang dituliskannya”. Ibn al-Hakam telah meninggal dunia pada tahun 235 Hijrah (al-Zahabi 2009).

9.2.2 Ibn Farh

Nama penuh beliau ialah Abu Ja’far Ahmad bin Farh bin Jibrail al-Baghdadi. Beliau mengambil bacaan qiraat secara jamak daripada al-Duri dan juga mengambil bacaan daripada Abd al-Rahman bin Waqid, dan al-Bazzi. Selain itu, beliau juga meriwayatkan hadis daripada ‘Ali al-Madini, Abi Bakr bin Abi Syaibah, dan Abi Rabi’ al-Zahrani.

Manakala perawi yang meriwayatkan bacaan daripada beliau antaranya ialah Ahmad bin Muslim al-Khatli, Abu Bakar bin Muqsim al-‘Attar, Ibn Mujahid, Ibn Syanbuz, al-Hassan al-Mauthi’i, dan Abu Bakar al-Naqqash.

Beliau adalah seorang muqri’, ahli tafsir, thiqah, dan masyhur namanya disebabkan keluasan ilmu dan ketinggian musnadnya. Beliau meninggal dunia pada tahun 303 Hijrah ketika umur hampir mencecah 90 tahun (Ibn al-Jazari 2006).

10.0 Tokoh 4: Imam Sulaiman Al-A’masy

Nama beliau ialah Abu Muhammad Sulaiman bin Mahran al-A’masy al-Asadi. Dilahirkan pada tahun 61 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 148 Hijrah. Antara para guru beliau yang masyhur ialah Ibrahim al-Nakhai’, Wazar bin Hubaisy, ‘Asim Ibn Abi al-Najud, Mujahid bin Jabr, Yahya bin Wassab, Abi al-‘Aliyah al-Riyahi dan lain-lain. Manakala beliau mengambil riwayat antaranya ialah daripada Abdullah bin Abi Aufa, Abi Wail, Sa’id bin Jubair, Mujahid, Abu ‘Amru al-Syaibani dan lain-lain.

Antara murid-murid beliau yang masyhur ialah Hamzah al-Zaiyat, salah seorang Qurra' dalam Qiraat Sab'ah dan juga Ibn Abi Laila. Selain itu, ada juga muridnya yang lain iaitu Muhammad bin Abdullah, Muhammad bin Maimun, Ibrahim al-Tamimi, Mansur bin al-Mu'tamir, dan Talhah bin Masrif. Dikatakan bilangan murid al-A'masy mencapai 50 orang (Muhammad 2009).

Menurut Jabir (2004), al-A'masy merupakan seorang alim yang merangkumi bidang fiqh, hadis, al-Quran dan periwayatan sejarah. Majlis ilmu beliau yang bertempat di Kufah sangat masyhur sehingga dihadiri oleh pelbagai tahap dan peringkat anak murid. Beliau juga mempunyai masjid khas yang berhampiran dengan rumahnya untuk memudahkan proses pembelajaran secara terus.

10.1 Kritikan Dan Pujian Ulama Terhadap Sulaiman Al-A'masy

Antara kalam ulama yang memberikan kritikan dan pujian kepada Sulaiman al-A'masy ialah :

- a) Hisham berkata: "Aku tidak melihat seorang pun di Kufah yang lebih tinggi ilmunya tentang kitab Allah melainkan al-A'masy".
- b) Ketika imam Syu'bah menyebut al-A'masy, beliau akan berkata "al-Mushaf, al-Mushaf" (al-Qastalani 2014). Beliau (Sulaiman al-A'masy) diberikan gelaran "al-Mushaf" kerana ketinggian ketekunan dan kedhabitannya.
- c) Sufyan bin Uyainah berkata: "Al-A'masy adalah seorang yang pakar tentang kitab Allah, seorang yang sangat menjaga hafalan hadisnya dan seorang yang pakar dalam hukum faraid (Ali al-Ja'fari 2015)."

10.2 Perawi Al-A'masy Yang Masyhur

10.2.1 Al-Syanbuzi

Nama sebenar beliau ialah Abu al-Farj Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim al-Syanbuzi al-Baghdadi. Al-Syanbuzi itu ialah gelaran yang dinisbahkan kepada Ibn Syanbuz kerana beliau sentiasa melazimi Ibn Syanbuz. Beliau dilahirkan pada tahun 300 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 388 Hijrah (Ali al-Ja'fari 2015: 413).

Beliau mengambil bacaan qiraat daripada Ibn Mujahid, Abu Bakar al-Naqasy, Abu Hasan bin al-Akhram, Abu al-Hasan bin Syanbuz (Ibn Syanbuz), Abu Bakar bin Maqsim al-Atthar, Abu Bakar bin al-Hasan al-Ansari dan lain-lain. Manakala di kalangan anak murid yang mengambil bacaan daripada beliau pula ialah al-Ahwazi, Abu al-'Ala Muhammad bin Ali al-Wasiti, Ali bin al-Qasim al-Khayyath dan lain-lain.

10.2.2 Al-Muttawwi'ie

Nama beliau ialah Abu al-Abbas al-Hasan bin Said bin Ja'far al-Abbadani Umari al-Muttawwi'ie al-Basri. Dilahirkan pada tahun 270 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 371 Hijrah (Ali al-Ja'fari 2015: 414).

Beliau mengambil bacaan daripada antaranya ialah Idris bin Abdul Karim, Ahmad bin Husain al-Hariri, Yusuf bin Ya'qub al-Wasiti, Ibn Syanbuz, Ibn Mujahid, Muhammad bin Ahmad al-Suwari,

Ahmad bin Farh dan lain-lain. Manakala di kalangan anak muridnya antaranya ialah Abu al-Fadhli Muhammad bin Ja'far al-Khunza'ie, Muhammad bin al-Hussain dan lain-lain.

11.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai kesimpulan, keempat-empat tokoh imam khusus *Qiraat Syadhdhah* ini mempunyai keluasan ilmu dalam pelbagai bidang terutamanya al-Quran dan bahasa Arab. Perkara ini juga mempunyai persamaan dengan syarat-syarat untuk menjadi *mufasssir* sebagaimana yang digariskan oleh Imam Jalaluddin As-Suyuti di dalam kitab *al-Itqan fi Ulum al-Quran* supaya menguasai lima belas jenis cabang ilmu. Individu yang menjadi tokoh dalam sesuatu bidang sudah pasti menguasai pelbagai jenis cabang ilmu. Maka tidak hairanlah jika keempat-empat imam ini mempunyai anak murid yang ramai yang bersungguh-sungguh menuntut ilmu daripada mereka. Mereka juga mempunyai banyak sumbangan seperti penghasilan karya-karya penulisan, penyebaran ilmu dan melahirkan ramai anak murid yang terbilang. Akan tetapi disebabkan qiraat mereka tidak menepati rukun-rukun qiraat mutawatirah, maka qiraat keempat-empat imam ini telah dikategorikan sebagai *syadh* dan ganjil.

12.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, qiraat keempat-empat imam ini dikategorikan sebagai qiraat yang empat belas, iaitu qiraat yang keempat belas terakhir dari qiraat-qiraat yang lain ataupun qiraat yang selain daripada qiraat sepuluh yang mutawatir (Mahfuz Jaafar; Khafidz Soroni; Ikmal Zaidi 2017). Walaupun ia menjadi bahagian kedua selepas qiraat mutawatir, seharusnya setiap penuntut ilmu al-Quran mempelajari topik *Qiraat Syadhdhah* untuk meneruskan kesinambungan ilmu dan menepis segala kritikan yang dibawa oleh orientalis barat terhadap keaslian al-Quran (Ahmad Zulfaqar; Wan Nasyrudin; Sabri Mohd; Mohd Abdul Nasir 2015). Sekalipun, *Qiraat Syadhdhah* tidak dianggap atau dibaca sebagai al-Quran, namun ia diharuskan untuk dipelajari secara teori. Malah jumhur ulama mengharuskan untuk beramal dan mengeluarkan hukum-hakam *syar'iyah* daripadanya kerana mereka meletakkannya setaraf dengan *khbar ahad* (Yusri Chek; Sabri Mohamad; Haziyah Hussin; Ahamad Asmadi 2015). Allah s.w.t telah berfirman bahawa al-Quran akan terus terjaga dan terpelihara di dalam surah al-Hijr:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan al-Quran dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya.

Surah al-Hijr (15): 9

13.0 RUJUKAN

- Abdullah. (2014). Maqamat Makrifat Hasan al-Basri dan al-Ghazali. Jurnal Pemikiran Islam. Vol. 20, No 20.
- Abdul Fattah al-Qadi. (1999). al-Qiraat fi Nazr al-Mustasyrikin wa al-Mulhidin. Maktabah al-Dar, Madinah.
- Abdul Sabur Shahin. (1998). Tarikh al-Quran. Dar al-I'tisam, Kaherah.
- Ahmad Zulfaqar, Wan Nasyrudin, Sabri Mohd & Mohd Abdul Nasir. (2015). Analisis Isu-Isu Dalam Qiraat al-Shadhdhah. Jurnal Islamiyyat. Vol. 37 No 1.
- Ali al-Ja'fari. (2015). al-Asas fi Ilm al-Qiraat. Arwaqah li al-Dirasat wa al-Nasyr.
- Al-Nuwayri, Abu al-Qasim Muhammad ibn Muhammad Muhibbudin. (2003). Syarh Tayyibat al-Nash fi al-Qiraat al-Asyr. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Qastalani. (2014). Lataif al-Isyarat li Funun al-Qiraat. Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif.
- Al-Zahabi. (1995). Ma'rifah al-Qura' al-Kibar 'ala al-Tabaqat al-A'sar. Markaz Buhuth al-Islamiah, Istanbul.
- Al-Zahabi. (2009). Siyar A'lam Nubala'. Bait al-Afkar al-Dauliyah, Jordan.
- Ibn al-Jazari. (1998). Al-Nashr fi al-Qiraat al-Asyr. Dar al-Kutub 'Ilmiyyah, Beirut. Jil.1.
- Ibn al-Jazari. (1999). Munjid al-Muqri'in al-Talibin. Dar al-Kutub 'Ilmiyyah, Beirut.
- Ibn al-Jazari. (2000). Tahbir al-Tafsir fi al-Qiraat al-'Asyr. Dar al-Furqan, Jordan.
- Ibn al-Jazari. (2006). Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
- Jabir Razzaq Ghazi. (2004). Abu Muhammad Sulaiman bin Mahran al-A'masy al-Kufi. Journal of Kufa Studies Center. Vol.1, No 3.
- Khairul Anuar Mohamad. 2011. Qiraat Syazah. Darul Ulum online. <https://darululumonline.wordpress.com/2011/08/>. Dilayari pada 27 November 2019 jam 3.47 PM.
- Khairul Anuar Mohamad. (2014). Larangan Qiraat Syazah. Utusan Malaysia. 2 Januari 2014.
- Mohd Faiz Othman. (2017). Doa Hasan Al-Basri 'Tundukkan' Gabenor. Berita Harian. 10 Oktober 2017.
- Mohd Mahfuz Jaafar, Mohd Khafidz Soroni & Ikmal Zaidi Hashim. (2017). Qira'at Syadhdhah Dalam Hadith-Hadith Nabi S.A.W: Berdasarkan Kitab al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah Oleh Prof. Dr. Ahmad 'Isa al-Ma'sarawi. Jurnal Qiraat. Bil 1.
- Mohd Yakub, Zulkifli Mohd Yusoff & Mohd A'Tarahim. (2012). Kajian Komperatif Antara Qiraat Asim Dan Nafi, Implikasi Pada Hukum Fiqh. Prosiding The 2nd Annual International Qur'anic Conference.
- Muhammad. (2009). Ma'rifah Ashab al-A'masy. Dar al-'Asomah li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Muhammad Fairuz, Shahrudin Saad & Muhammad Syafee. (2017). Yahya Bin Mubarak Perawi Masyhur Qiraat Syaz. E-prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3.

Sumayyah Ali & Abdul Hafiz Abdullah. (2016). Penulisan Ilmiah Berkaitan Ilmu Qiraat Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. E-Prosiding 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization.

Tahsin Ibrahim. (2008). Al-Jawanib Al-Sauthiah wa al-Sarfiah wa al-Nahwiyah fi Qiraah Ibn Muhaisin. Tesis Sarjana Jabatan Bahasa Arab, Universiti Mu'tah.

Yusri Chek, Sabri Mohamad, Haziyah Hussin & Ahamad Asmadi Sakat. (2015). Aplikasi Pendalilan Qiraat Shadhdhah Dalam Penghujahan Hukum Fiqh. Jurnal Darul Quran. Bil 19.